

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DI WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA
PERBICARAAN JENAYAH: 45B-75-11/2016

ANTARA
PENDAKWA RAYA
LAWAN

1. PAL GANAPATHY A/L MANIAM
2. VIJENDRAN A/L SAMTHAYALAN

[SEKSYEN 302 KK]

PERBICARAAN JENAYAH: 45B-[76-80]-11/2016

ANTARA
PENDAKWA RAYA
LAWAN

3. SRI KANAPATHY A/L KANDASAMY
4. CHEN YUEN MING
5. CHIN KOK LEONG
6. SATTIYARAD A/L KRISNAN
7. LIEW LAI CHEN

[SEKSYEN 109 KK]

ALASAN PENGHAKIMAN

A] LATAR BELAKANG KES.

- [1] Mahkamah Tinggi ini diakhir kes pendakwaan telah melepas dan membebaskan kesemua tujuh orang tertuduh-tertuduh tanpa memanggil mereka membela diri di bawah pertuduhan seksyen 302 dan 109 Kanun Keseksaan di baca bersama-sama dengan seksyen 34 Kanun yang sama. Di mana pada 17.11.2017 Mahkamah Tinggi ini atas penelitian maksima memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes prima facie seperimana diperuntukkan di bawah s.180 (2) Kanun Tatacara Jenayah.
- [2] Pihak pendakwaan pada 21.11.2017 telah memfailkan Notis Rayuan merayu atas perintah pembebasan keatas Ketujuh-tujuh tertuduh. Di bawah ini dinyatakan alasan-alasannya oleh Mahkamah Tinggi ini.

B] PERTUDUHAN-PERTUDUHAN

- [3] Pertuduhan [s. 302 KK]

"Bahawa kamu pada 06/07/2016 di antara jam lebih kurang 02.00 petang sehingga 02.30 petang, bertempat di Jalan Hujan Emas 4, Overseas Union Garden, Off Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, di dalam Daerah Brickfields, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bersubahat dengan Pal Ganapathy A/L Maniam No. K/P 900506-08-5501 dan Vijendran A/L Samthayalan No. K/P 870624-08-5639 menyebabkan kematian terhadap Wong Siew Ling No. KP 840304-08-5608. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan"

[4] Pertuduhan [s.109 KK]

"Bahawa kamu pada 06/07/2016 di antara jam lebih kurang 02.00 petang sehingga 02.30 petang, bertempat di Jalan Hujan Emas 4, Overseas Union Garden, Off Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, di dalam Daerah Brickfields, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah bersubahat dengan Pal Ganapathy A/L Maniam' No. K/P 900506-08-5501 dan Vijendran A/L Samthayalan No. K/P 870624-08-5639

menyebabkan kematian terhadap Wong Siew Ling No. KP 840304-08-5608 dimana kesalahan tersebut telah dilakukan hasil daripada persubahatan kamu. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 302 Kanun Keseksaan”

C] KETERANGAN KES PENDAKWAAN

- [5] Kesemua enam kes di atas 45B-75 hingga 80-11/2017 dibicarakan bersama atas permohonan pihak pendakwaan dan dipersetujui oleh pihak peguambela-peguambela kesemua tertuduh oleh kerana ianya melibatkan saksi-saksi yang sama.
- [6] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai 27 orang saksi terdiri daripada;

JURUGAMBAR

- [7] SP1-Jurugambar [Gambar tempat kejadian dan kenderaan mangsa dan di Sg. Siput Perak. SP2-Jurugambar yang merakam gambar semasa Post Mortem. SP3-Jurugambar,

rakam gambar kereta terbiar dijumpai senjata api Glock 19 di kawasan kampung berhampiran Chemor, Perak.

POLIS MENERIMA MAKLUMAT PERTAMA;

[8] **SP4- Polis di Kaunter Pertanyaan IPD, Brickfield membuat report FIR Brickfield Report 9620/16 [P13] tentang kejadian tembakan dari seorang perempuan bernama Kastury.**

[9] **SP9- L/Kpl Muhammad- Angotta Pusat Kawalan Polis IPD, Brickfield, beliau pada hari kejadian 6.7.2016, bertugas di Pusat Kawalan IPD Brickfield di mana pada jam 2.30 petang menerima panggilan dari nombor kecemasan 999 seorang lelaki Cina perkenalkan diri sebagai Koh memberitahu SP8 bahawa ada orang mati kena tembak di Jalan Hujan Emas 4, OUG, KL dan SP8 telah arahkan kereta Peronda KL204 untuk ke lokasi. Setelah disahkan SP8 telah membuat Report Maklumat Pertama [FIR] Petaling Report 6612/16 [P21]. Atas arahan KJSJ daerah, SP8 telah hubungi Polis Bahagian Forensik dan K9 ke lokasi dan hubungi bomba dan ambulan PPUM.**

PEGAWAI TANGKAPAN;

[10] **SP14- DSP Tok Beng Yeow**, yang manangkap OKT5-Chin Kok Leong suspek utama di dalam kes ini namun tiada barang-barang kes yang 'incriminating' yang dijumpai hanya dirampas wang tunai RM75,000.00 di dalam Hand Bag jenama LV. Tertuduh Ke-5 ini ditangkap di kediamannya di Condominium Bukit Cheras, Jalan BU, Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur. Senarai barang-barang yang dirampas adalah seperti mana P33 Senarai Bongkar dan diserahkan kepada IO kes P34 Akuan Serah Menyerah. SP14 mengakui tiada rampasan apa-apa dokumen. Malah menurut SP14 beliau ke rumah emak OKT5 untuk mencari barang kes mengaitkan kes pembunuhan dengan tertuduh namun tidak dijumpai.

[11] **SP15-ASP Raja Munawir**, pegawai polis yang menangkap tertuduh pertama [Pal Ganapathy] di rumah beliau di alamat 131 Taman Damai Ayer Tawar, Perak pada 19.7.2016. Menurut SP15 berlaku pergelutan semasa hendak menangkap OKT1 ini. SP15 membuat Laporan Polis Ayer Tawar Report 1625/16. SP15 merampas 6 buah handphone dan satu beg

kelabu dan serahkan kepada IO kes. SP15 tidak terlibat dengan soal siasat hingga terjumpa senjata api. SP22-DSP Henry mengambil alih siasatan selepas itu.

- [12] **SP22-DSP Henry** - dari Unit Starfoc Bukit Aman, setelah menyoal siasat T1-Pal Ganapathy- T1 memberitahu SP22 beliau tahu dimana tempat satu senjata api disorok di dalam kereta di Khantan [Perak]. Selepas 2 jam T1 di bawa ke Khantan Baru di dalam kereta lama di hadapan sebuah rumah dan tiba di situ jam 11.30 malam. T6 telah menunjukan kepada satu kereta Toyota Corona, keadaan terbengkalai rosak dan dibuka dan dijumpai satu pucuk senjata api jenis Clock 19 [P23A] dengan satu kelopak [P23B] tanpa peluru di bawah alas kaki bahagian bawah clutch [pemandu]. Bahagian Forensik telah mengambil pistol berkenaan dan SP22 membuat Report Polis Khantan Baru Report 640/16[P49] Senarai Pemeriksaan [P50] Borang serah menyerah P51. Kereta di tow bawa ke Balai Polis Khantan. Barang-barang kes serah kepada IO [SP23].

- [13] **SP17- ASP Looi Ah Meng** - pegawai polis yang menangkap tertuduh yang ke-4 Chin Yuen Ming pada 26.7.2016 di Restoren Tasty USJ 1, Subang Jaya jam 7.30 malam dan merampas 2 handphone. USJ Report 9399/16[P44]. Dan serahkan kepada IO kes.
- [14] **SP16-ASP Freddy** - Pegawai penangkap tertuduh ke-7 Liew Lai Chen dan suaminya pada 19.7.2016 di sebuah kedai makan Kum Lai Kee Jalan Pudu Hulu, Cheras. Pada tertuduh ke-7 hanya di rampas handphone, beg duit [P43] dan wang didalamya.
- [15] **SP21-ASP Tay Chew Thwa@ Rico Tay**, saksi adalah pegawai menangkap tertuduh ke-6 [T6] Sattiyad a/l Krisnan pada 23.7.2016 di Flat, Taman Titiwangsa, Tampoi Johor. Rampasan hanya 2 buah handphone. SP21 telah failkkan report polis sepetimana Serdang Rpt 4877/16 [P47]. SP21 turut ke rumah tuning T6, iaitu Gayathri a/p Gopalkrisnan di alamat Lot 1614, Jalan 18/46 Taman Seri Serdang, Serdang Selangor.

SAKSI PAKAR

[16] **SP5-Inspektor Mior** - Pegawai Forensik Audio Video, [CCTV dan Dashcam kejadian] menerima rakaman CCTV [2 suspek menaiki motorsikal ditempat kejadian] dari Pegawai Penyiasat di dalam Pendrive [P14E-H1] dan sediakan Laporan [P14B] dan gambar dari 'DashCam' kereta orang awam tidak dikenali. Menurut keterangan SP5 video CCTV tidak jelas akan nombor pendaftaran motorsikal dan tidak jelas muka dua suspek di atas motorsikal tersebut. Video di ambil dari 'Dashcam' juga tidak termasuk gambar semasa kejadian tembakan di tempat kejadian.

[17] **SP6- Pathologist** - yang menjalani post mortem keatas mayat simati dan sediakan Laporan Post mortem [P15]. Beliau mengesahkan luka tembakan [GSW] di bahagian leher dari bahagian kanan leher dan peluru di jumpai pada bahagian badan "left axilla" "lower aspect of back of head just above the hair-line predominantly toward left of mid-line" dan satu luka tembus tembakan [GSW] pada bahagian belakang kepala

geseran kulit kepala 'left scapula' dan 'left loin'. Sebab kematian adalah 'gunshot wound to the neck'.

- [18] Dan orang awam dan saksi-saksi pakar. Antara saksi yang paling penting ialah Pegawai Penyiasat kes ini SP23-ASP Haslina binti Abdul Wahab yang mengakui tiada keterangan untuk mengaitkan pembunuhan simati dengan kesemua tertuduh. SP23 mengakui bahawa beliau hanya membuat teori sahaja dan dari segi pembuktian tiada keterangan.

Keterangan saksi pakar senjata api dan peluru.

Pakar Balastik Senjata api;SP8- ASP Somchard.

- [19] Saksi ini adalah Juruanalisa Balastik keatas kelongsong peluru dijumpai ditempat kejadian dan anak peluru dijumpai semasa dalam jasad simati semasa post mortem.

- [20] Saksi ini pada 14.7.2016 jam 1650hrs ada menerima sebanyak 13 sampul bertanda USPB berseal Forensics PDRM Justice Via Forensics" bertanda "3" hingga "12" dan bertanda "K", "L", "M" dan "N" untuk dianalisa dari Ins. Ahmad Ridzuan berkait

dengan Petaling Rpt. 6612/2016. Di dalam 13 sampul ini terdapat kelongsong-kelongsong peluru dan anak-anak peluru diambil ditempat kejadian tembakan dan anak peluru diperolehi semasa post mortem mayat simati.

Sampul bertanda 3 [P20A]; terdapat kelongsong peluru jenis 9mm bertanda A [P20A] berkait iaitu yang diambil ditempat kejadian SP8 tandakan SC2.

Sampul bertanda 4 [P20B]; terdapat satu kelongsong peluru jenis 9mm bertanda B[P20B(1), SP8 tandakan sebagai SC1.

Sampul bertanda 5 [P20C]; satu kelongsong peluru [P20C(1)] bertanda C jenis 9mm dan tandaan SP8 ialah SC4.

Sampul bertanda 6 [P20D]; di dalamnya satu kelonsong peluru 9mm [P20D(1) bertanda D dan tandaan saksi SC3.

Sampul bertanda 7 [P20E]; di dalamnya satu kelongsong peluru 9mm [P20E(1)] tandaan E saksi tandakan SC5.

Sampul bertanda 8 [P20F]; di dalamnya satu kelongsong peluru 9mm [P20F(1)] dan saksi tandakan SC6

Sampul bertanda 9 adalah swab darah.

Sampul bertanda 10 [P20G]: di dalamnya serpihan anak peluru tandaan H [P20G], saksi tandakan S7.

Sampul bertanda 11 [P20H]: di dalamnya terdapat satu kertas putih A4 dan terdapat 2 serpihan anak peluru tandaan I dan S3.

Sampul bertanda K [P20I]; di dalamnya terdapat satu paket plastik dari PPUM didalamnya terdapat 2 jaket anak peluru bertanda K dan S2 [P20(I)].

Sampul bertanda L [P20J]: di dalamnya satu botol lutsinar [P20J(1) di dalamnya satu plastik terdapat satu serpihan peluru [P20J(2)] bertanda L dan saksi tandakan S4.

Sampul bertanda M [P20K]: di dalamnya terdapat satu botol lutsinar [P20K(1) bertanda M dan saksi tandakan S5 dan satu plastik lutsinar bertanda M dan S5 berisi serpihan peluru [P20K(2)].

Sampul bertanda N [P20L]: di dalamnya satu botol kaca tanda dan plastik lutsinar bertanda N di dalamnya terdapat satu serpihan anak peluru [P20L(2)]. Saksi tandakan S6.

Sampul bertanda 12 [P20M]: di dalamnya terdapat kertas A4 dan satu plastik lutsinar dengan serpihan anak peluru[P20M(2)] di tanda S1 oleh saksi.

Hasil analisa adalah seperti berikut menurut SP8:

- [21] Q: ASP boleh beritahu Mahkamah hasil analisa yang ASP laporkan?

A: Hasilnya seperti di dalam Laporan yang saya [P19] sediakan di muka surat 3/3. Barang kes yang bertanda 3,4,5,6,7,8, pada sampul surat UPSB telah dirakam imej dan telah dilakukan perbandingan imej dengan Pengkalan Data Balistik Malaysia. Hasil semakan mendapati keenam-enam kelongsong mempunyai persamaan individu karektoristik, bersabit dengan Chemor Report 1756/13, Sungai Siput Utara Report 530/2015 dan Sungai Siput Utara Report 2473/2015.

Barang kes yang bertanda 10/H.11/1,12/J, K, L, M dan N tidak dapat dirakam imej kerana kesemua barang kes tiada ada untuk dijadikan perbandingan.

Q: Daripada pengkalan data MYBID, ASP telah tackle 3 report,Sg Siput(U), Chemor, Sg Siput (U) dan termasuk Petaling report so ini bermaksud apa?

A: Ini bermaksud kelongsong yang bertanda 3-8 adalah dilepaskan daripada satu senjata api berkaliber 9 mm berdasarkan persamaan individu karektoristik pada prima cap "impression mark".

- [22] Penelitian Mahkamah Tinggi atas keputusan analisa oleh SP8 ini menunjukan senjata api Jenis Glock 19 [P23A] yang dipandu arah oleh T1 hasil soal siasat SP22 dan menunjukan T1 tahu dimana senjata api disorok di dalam kereta di Khantan [Perak].
- [23] Ini menunjukkan senjata api tersebut yang digunakan untuk menembak simati. Namun keterangan yang ada hanyalah penemuan hasil ditunjukkan oleh T1 semata-mata tiada keterangan dapat dikaitkan T1 dengan pembunuhan simati di dalam kes hari ini selain dari 'leading to discovery' dan atas alasan ini semata-mata tanpa sokongan keterangan lain tidak boleh disabitkan tertuduh. Manakala Pegawai Penyiasat berpendapat berbeza bahawa hanya tiga kes terlibat dengan senjata api tersebut di Perak dan bukannya kes pembunuhan simati ini.

SP10- Pakar Servicability Senjata api; Inspektor Mohd Riyadh Solihin

- [24] Saksi ini bertanggungjawab menjalankan ujian serviceability keatas senjata api dan peluru bagi menentukan ianya boleh digunakan atau tidak.
- [25] Mahkamah ini berpuashati atas kepakaran saksi di dalam bidang beliau ini. [sila rujuk WS-SP10 Pernyataan Bertulis saksi]. Pada 28.7.2016 semasa berada di Pejabatnya di Unit Siasatan Balistik, Makmal Forensik PDRM Cheras jam 9.57 pagi, ASP Mohd Izzuwan bin Marzuki [tidak dipanggil sebagai saksi oleh pihak pendakwaan] telah menyerahkan satu puçuk pistol Glock 19 bernombor siri PBW251, dan satu kelopak [magazine] dua barang kes ini diletakkan di dalam satu kotak bertanda "P"[P23] yang telah terbuka. Saksi telah menurunkan tandatangan pada Surat Akuan Penyerahan Barang Kes [Borang MF02B] yang diserahkan oleh ASP Mohd Izzuwan.
- [26] Pada 2.8.2016 jam 9.20 barulah saksi menjalankan analisa keatas barang kes tersebut [sementara itu disimpan selamat di dalam cabinet besi berkunci] hasil penganalisaan ke atas

senjata api Glock 19 [P23A] dan satu kelopak [P23B] adalah baik dan sempurna dan boleh berfungsi.

[27] Seterusnya pada 2.8.2016 saksi telah menjalankan ujian tembak menggunakan cara "Bullet Recovery System" dengan menggunakan 2 butir peluru jenis 9mm jenis SME milik PDRM [P23C]. Hasilnya tembakan berjaya dilepaskan.

[28] Saksi telah sediakan Laporan Pemeriksaan/Ujian Serviceability [P22] dan barang-barang kes dan laporan diserahkan semula kepada ASP Mohd Izzuwan pada 3.8.2016 di pejabat saksi. Dua butir peluru telah bertukar kepada 2 anak peluru dan 2 kelongsong selepas uji tembak.

SAKSI-SAKSI AWAM

Dua saksi awam anak tertuduh ke-7 [T7].

[29] SP18- Aaron Yap - anak kepada T7- [Liew Lai Chen] menurut saksi emak dan ayahnya menyewa di apartment di Bukit Jalil sebab lari dari gangguan 'Loanshark' selepas emaknya sebulan ditangkap polis baru saksi tahu emaknya disyaki terlibat kes

bunuh di OUG. Menurut saksi ayah dan emaknya menjalankan perniagaan kedai makan di Pudu sejak tahun 2011.

[30] **SP20-Brandon Yap** - juga anak kedua kepada T7. Beliau tinggal di Taman Midah bersama keluarga aunty dan SP18. Beliau tidak mengetahui kenapa emaknya berhutang dengan 'Loanshark'. Soalan keatas saksi ini berkisar kepada bagaimana beliau membeli Laptop berharga RM5000 dan saksi memberitahu emaknya menambang RM500 dan baki saksi ambil dari wang simpanannya sendiri. Menurut saksi polis ada merampas Laptop saksi dikatakan terlibat dengan kes pembunuhan. Namun sepanjang perbicaraan tiada keterangan langsung T7 ini dengan pembunuhan tersebut dapat dikaitkan selain dari T7 tinggal berdekatan dengan rumah simati.

SP20 isteri kepada T5.

[31] **SP20- Leong Chooi Hong** - menurut saksi suaminya bekerja dalam perniagaan ceramic. Semasa sebelum keajdian saksi tidak tinggal bersama dengan T7 suaminya sebab mereka di dalam proses penceraian.

[32] Beliau dan suami mengenali simati sejak 3 tahun. Suami dan saksi pernah makan bersama simati dan simati hendak menyertai perniagaan suaminya T7. Iaitu membeli satu syarikat di Amerika Syarikat. Syarikat itu diletak di bawah nama 3 orang, simati, saksi dan suaminya. Menurut saksi seorang bernama Ah Sin yang menguruskan pembelian syarikat di USA ini. Saksi pernah berjumpa dengan Ah Sin ini dan simati serta T7 ada jumpa dengan Ah Sin.

[33] Menurut SP20, pembelian syarikat USA ini berharga RM2 juta, T7 keluarkan 20% dan selebihnya simati dan suami simati sumbangkan. Menurut SP20 lagi, beliau dan suaminya T7 tidak pernah meminjam duit dari simati. Pada hari simati dibunuh, saksi berada di Genting Highland dan mendapat panggilan dari kawan beliau bahawa simati meninggal di tembak.

[34] Kali terakhir saksi memberitahu simati 3 hari sebelum kejadian ada menelefonnya meminta beliau tandatangan satu dokumen memberi kebenaran kepada simati untuk menjual syarikat

tersebut. Menurut saksi beliau dan suaminya ada tandatangan dokumen tersebut yang di minta oleh Ah Sin untuk tandatangan. Suami saksi ada diberitahu oleh saksi bahawa simati hendak menjual syarikat USA itu tetapi saksi tidak mengetahui apa reaksi suaminya [T5] sebab samasa itu mereka tidak lagi berjumpa sebab dalam proses penceraian.

- [35] Saksi menyatakan bahawa hubungan simati dan saksi serta suami T5 adalah sepanjang masa baik. Menurut saksi apabila simati meninggal beliau dan suami hanya ada 20% share syarikat manakala 80% masih diatas nama simati dan suami simati tidak berubah dan hilang.
- [36] Menurut saksi simati hanya merungut kepada saksi tentang suaminya T5 tidak menjawab telefon manakala T5 tidak pernah merungut akan hal simati kepada saksi. Sepanjang pengetahuan saksi hubungan mereka berempat adalah baik di dalam mesyuarat tidak pernah bergaduh.

Kakak Sulung kepada simati SP24-Wong Siew Nguk

[37] Menurut saksi beliau mengatahui kejadian adiknya ditembak melalui 'Wechat' yang mana suami simati memberitahu alamat kejadian. Semasa ke tempat kejadian dilihat mayat simati separuh di luar kenderaan Vellfire dan separuh lagi di tersangkut di kerusi pemandu. Kenderaan tersebut didaftar atas nama saksi tetapi tidak pernah memandunya.

Kakak Kedua kepada simati SP26- Wong Siew Hong

[38] Menurut saksi simati adalah adiknya dan semasa kejadian beliau berada di China dan mengetahuinya melalui Wechat anak simati. Saksi menyatakan simati ada menjalankan pelaburan perniagaan dengan T5 iaitu perniagaan ceramic dan telah melabur sebanyak RM5 juta diberikan kepada T5 hal ini diceritakan kepada saksi oleh simati pada tahun 2016.

[39] Awal dari itu, saksi pernah di beritahu oleh simati pada tahun 2015 bulan Oktober atau November T5 ada memberitahu simati bahawa ceramic mereka ditahan oleh kastam namun apabila simati meminta dokumen untuk menyelesaikan masalah, T5 tidak memberikannya.

- [40] Menurut saksi, saksi memberitahu akan pembelian syarikat di USA dengan mana simati membayar T5 sebanyak USD2.2 juta selepas itu simati mengetahui bahawa harga syarikat tersebut sebenarnya berharga hanya USD300,000.00 sahaja. Berjumlah antara RM4.5 hingga RM5 juta.
- [41] Simati memberitahu saksi dan kakaknya SP24 dan suaminya kerana bimbang sesuatu yang buruk atas keselamatan nyawanya kerana simati mula berselisihan faham dengan T5 dan menuduh T5 menipunya. Namun simati sebelum sempat membuat laporan polis keatas T5 beliau telah mati ditembak.
- [42] Menurut saksi lagi simati ada memberikan kepada saksi satu fail yang mengandungi bayaran-bayaran kepada T5 dan bayaran kepada syarikat di Negara China atas arahan T5. T5 memberitahu saksi supaya serahkan kepada suaminya supaya suaminya boleh serahkan kepada polis. Menurut saksi setelah mendapat berita kematian adiknya beliau terus balik dari China dan telah serahkan kepada suami simati selepas kematian adiknya. Saksi ditunjukkan dengan dokumen-dokumen tersebut

dan dicamkan sebagai dokumen yang sama yang diserahkan oleh simati adiknya.

- [43] Menurut saksi, simati ada melantik penyiasat persendirian bernama Chin Yam Meng [SP27].

SP24- En Sin Yoke Chong ialah Trust Officer kepada Simati dan Tertuduh ke5 dalam pembelian syarikat di USA.

- [44] Saksi camkan T5 sebagai orang yang kendalikan perniagaan bagi pihak tertuduh ke5 melalui syarikat bernama Masterco International Limited. Pelangannya ini T5 yang hendak menjalakan perniagaan di luar Malaysia perlu mempunyai syarikat di luar Malaysia iaitu 'Offshore Company'. T5 menjadi pelanggan Syarikat Masterco sejak 2009 lagi iaitu T5 mempunyai syarikat ditubuhkan di Hong Kong oleh SP24 untuk T5 nama Syarikat itu ialah Hong & Leong Limited.

- [45] T5 datang menemui SP24 pada tahun 2015 berminat untuk ianya adalah company listed company over the counter yang mana market di USA bernama Oakridge syarikat tersebut dan

baki perlu dijelaskan dalam masa 7 hari ianya selesai. T5 telah menjelaskan semua bayaran setelah selesai pengambilalihan.

- [46] Menurut SP24, sepatutnya Dato dan Datin Wong yang menjadi pengarah syarikat baru ini, dan isteri T5 Madam Leong antara pemilik saham 80% bertiga dan 20% lagi berada di pasaran.
- [47] Namun pelantikannya di arahkan oleh T5 supaya di tangguhkan. Sebab penangguhan ialah kerana perniagaan 'tiles' T5 yang sepatutnya berada di dalam syarikat di USA terkesan akibat kejatuhan mata wang.
- [48] Simati ada berhubung dengan saksi akan kenapa penangguhan pengambilalihan dan diberitahu arahan T5 dan saksi meminta simati tanya kepada T5 hal ini. Simati ada memberitahu kepada saksi yang simati memberi duit sebanyak RM2.2 juta kepada T5 bagi tujuan membeli syarikat ini. Menurut saksi harga syarikat ini sebenarnya tanpa fee saksi hanyalah USD250,000.00 bakinya USD400,000.00 adalah fee saksi.

[49] Menurut SP24 beliau telah mengenakan fee atas perkhidmatan ini kepada T5 sebanyak USD650,000.00. Yang mana T5 jelaskan 50% barulah saksi boleh mulakan pengambilalihan syarikat di USA ini.

Keterangan SP27–Chin Yam Meng - Money Lender.

[50] Menurut saksi beliau telah 15 bekerja sebagai Peminjam Wang dengan sebuah syarikat pinjaman wang Wah Tu Sdn Bhd. Saksi mengenali simati melalui kawannya selama 3 tahun sebelum ini. Simati mencari beliau untuk mendapatkan balik wang sebanyak RM13 juta dari T5 yang telah simati melabur di dalam syarikat listed ceramic dan pembelian saham.

[51] Menurut saksi beliau sibuk dengan urusan di Hong Kong dan berjanji dengan simati akan meminta simati membuat report polis dan barulah beliau akan berjumpa simati untuk menuntut wang dari T5. Simati ada memberikan dokumen-dokumen dan salinan passport isteri T5 kepada saksi untuk merujuk alamat T5 tinggal. Saksi telah menyerahkan dokumen tersebut kepada

pihak pegawai penyiasat selepas kematian simati iaitu P54, P55 dan ID56.

[52] Saksi mengakui yang beliau tidak sempat dan tidak pernah menelefon atau bercakap atau berjumpa dengan T5.

[53] Pihak peguambela T5 tidak bersetuju ada sebarang dokumen diberikan kepada Pegawai Penyiasat kes ini sebabnya SP23, IO kes ini tidak pernah merujuk kepada sebarang dokumen.

[54] [Semasa IO dipanggil semula dan merujuk kepada P54, P55 dan ID56 beliau akui pernah melihatnya melalui Whatsapp tetapi tidak pernah menerimanya. SP23 menjelaskan beliau hanya tahu hanya pembelian syarikat Oakridge itu sahaja dan tidak bertanya SP27 hal-hal perniagaan lain dan tiada siasatan atas dokumen-dokumen P54, P55 dan ID56 itu].

Keterangan Pegawai Penyiasat SP23 mengakui tiada bukti kaitan semua tertuduh di dalam pembunuhan simati Wong Siew Ling.

[55] SP23 adalah SIO di IPD Brickfield pada masa kejadian. Keterangan IO kes ini bukan sahaja tidak ingat akan fakta kejadian malah tidak berusaha untuk mencari jawapannya melalui ID beliau kerana gagal membawa IDnya. SP23 juga dengan terang-terangan memberi pengesahan bahawa tiada bukti untuk mengaitkan kesemua tertuduh dengan pembunuhan simati di dalam kes ini.

[56] Berikut di'highlightkan' apa yang dimaksudkan yang menunjukkan saksi gagal membantu kes pendakwaan di dalam siasatan dan keterangan beliau di Mahkamah ini;

Beliau mengesahkan hasil analisa pakar persenjataan menunjukkan senjata api yang ditujukan oleh T1 di dalam sebuah kereta di Khantan Bharu hanya mempunyai kaitan dengan 3 kes lain di Perak.

[57] Menurut siasatan pihak polis yang mula-mula awal sampai di situ orang awam memberitahu beliau dua orang suspek yang

menembak ke arah kenderaan simati tetapi tidak diketahui siapa orang itu.

- [58] Pembantu rumah yang berada bersama-sama 4 orang anak simati di dalam kenderaan semasa kejadian tidak perasan akan bagaimana tembakan boleh berlaku kerana sibuk mengasuh anak-anak simati dan cermin kenderaan yang gelap.
- [59] SP23 tersilap apabila merumuskan Pemeriksaan Post mortem sebab kematian simati akibat tembakan di bahagian jantung dan peluru terhenti di bahagian ketiak. Apabila dengan jelas P15 Post Mortem Report tidak langsung sebarang kecederaan di bahagian jantung.
- [60] SP23 memberi teori pembunuhan akibat dari pengkongsian membeli satu syarikat di Amerika Syarikat.
- [61] Pegawai Penyiasat dengan panjang lebar menceritakan teori pembunuhan di dalam kes ini namun mengakui tiada bukti untuk kaitkan melalui keterangan.

- [62] SP23 mengakui tiada keterangan untuk kaitkan T1 dengan T2 mengenali dan bersubahat antara sama lain dan tiada keterangan yang membuktikan T1 dan T2 berada di tempat kejadian pada hari kejadian. Motorsikal yang di ambil melalui rakaman CCTV tidak diketahui nombor pendaftaran dan T1 tidak mempunyai motorsikal.
- [63] Laporan Pakar Senjata api P19 mengakui senjata api yang di rampas hasil dipanduarah oleh T1 tidak ada kaitan dengan pembunuhan kes hari ini apabila serpihan dan kelongsong peluru dibandingkan melalui analisa.

D] KEPUTUSAN MAHKAMAH DIAKHIR KES PENDAKWAAN

Pendakwaan membuktikan hanya keterangan berikut;

- [64] Bahawa pada hari kejadian 6.7.2016 simati iaitu bernama Wong Swee Ling seorang wanita bersama 1 orang pembantu rumah dan 4 anak simati semasa sedang memandu kenderaan jenis Vellfire nombor telah ditembak dengan 7 das tembakan oleh dua suspek yang membunceng motorsikal yang tidak

dapat ditentukan identiti mereka dan nombor pendaftaran motorsikal turut gagal dipastikan.

-
- [65] Walaupun terdapat CCTV [P14B] pada tiang elektrik milik Majlis Perbandaran [lihat gambar P6(1)] dan 'dashcam' kemera di dalam kereta orang awam yang serahkan kepada polis namun gagal dikesan siapa orang awam tersebut semasa kejadian tersebut namun mutu gambar adalah tidak jelas untuk mengenali nombor plat motorsikal dan dua orang penama penunggang dan pembonceng di tempat kejadian.
 - [66] Wanita simati telah meninggal dunia ditempat kejadian manakala anaknya telah mengalami kecederaan geseran peluru dari kepala simati masuk ke bahagian perut anaknya tetapi selamat dan dibawa ke hospital mendapatkan rawatan.
 - [67] Laporan Post Mortem keatas simati P15 mengesahkan kematian disebabkan tembakan peluru terkena pada bahagian bawah kepala berhampiran leher simati.

"Sebab kematian adalah 'gunshot wound to the neck'."

- [68] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan hanya setakat perselisihan perniagaan membeli satu syarikat di Amerika Syarikat antara simati dengan tertuduh T5-CHIN KOK LEONG. Keterangan ini diperolehi dari saksi adik simati iaitu SP26 dan rakan simati SP27 dan T24 setiausaha syarikat atau trust officer.

E] MAHKAMAH MELEPAS DAN MEMBEBASKAN KESEMUA TERTUDUH DIAKHIR KES PENDAKWAAN.

- [69] Mahkmal ini setelah meneliti keseluruhan keterangan kes pendakwaan secara maksima menurut peruntukan di bawah s.180 (1) dan (4) KTJ "a prima facie case is made out where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction" dan kes-kes yang tersohor **Balachanran v PP [2005] 1 CLJ 89, Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 1 CLJ 734PP v Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim (No.3) [1999] 2 AMR 2017**, mendapati bahawa pembuktian

kepada intipati kesalahan di bawah seksyen 302 KK [dibawah s.300 KK] dan dibaca bersama-sama 34 KK NIAT BERSAMA [45B-75-11/2016 Tertuduh 1 &2] dan s.109 KK BERSUBAHAT [kes No: 45B-76 HINGGA 80-11/2016 Tertuduh 3-7] dan mendapati bahawa keterangan yang ada adalah keatas Tertuduh 1 dimana senjata api yang dijumpai hasil pandu arah oleh tertuduh di bawah s. 27 AK namun perjumpaan senjata api berkaitan semata-mata [P52] yang dipandu arah oleh tertuduh pertama tanpa keterangan lain yang mengaitkan tertuduh pertama bersama Tertuduh Kedua dengan pembunuhan simati adalah tidak mencukupi untuk membuktikan suatu kes prima facie. Malah keterangan Pegawai Penyiasat kes mendapati hasil Uji Tembak keatas pistol berkenaan adalah persamaan dengan 3 kes lain di Perak.

- [70] Begitulah juga keterangan keatas Tertuduh Kedua dikatakan melakukan pembunuhan tersebut bersama-sama dengan Tertuduh Pertama namun tiada keterangan niat bersama di bawah s. 34 KK tersebut, CCTV motorsikal yang dinaiki oleh 2 lelaki tidak dapat dicamkan nombor pendaftaran motorsikal dan

lebih-lebih lagi rupa orang yang terlibat kerana memakai topi keledar. Pegawai Penyiasat mengesahkan beliau gagal mengaitkan T1 dan T2 mengenali atau berhubung antara satu sama lain.

-
- [71] Tertuduh Kelima adalah juga dibuktikan oleh pihak pendakwaan bahawa mempunyai urusan perniagaan yang bermasalah dengan simati keterangan adik perempuannya [SP26] dan kepada rakannya [SP27] ini hanya membuktikan bahawa mereka simati dan tertuduh 5-CHIN KOK LEONG mempuNYAI masalah di dalam pengkongsian perniagaan perniagaan ceramic dan pembelian syarikat di Amerika Syarikat. Namun tiada sebarang keterangan lain yang menyentuh tertuduh melakukannya atau mengupah mananya orang misalnya tertuduh pertama atau kedua melakukannya.
- [72] Siasatan SP23 dan keterangan beliau di Mahkamah mengesahkankan lagi bahawa tiada keterangan untuk kaitan tertuduh sesama sendiri. Teori yang dilandaskan bukanlah

keterangan, misalnya Tertuduh Ke-7 berjiran dengan simati. Perhubungan telefon antara sesama tertuduh tidak dikemukakan keterangan walaupun dirampas dan masih berada dengan Makmal Forensik PDRM.

- [73] Keterangan ke atas Tertuduh-tertuduh lain lebih lagi kelemahan keterangan yang boleh kaitkan mereka di bawah s.109 Kanun Keseksaan iaitu Tertuduh Ketiga, Keempat dan Keenam dengan pakatan bersubahat membunuh simati.
- [74] Suami kepada simati gagal tampil memberi keterangan boleh menimbulkan dua kemungkinan pertama beliau orang yang mengetahui kes pembunuhan ini dan takut untuk tampil atau mungkin beliau terlibat sama namun keterangan saksi terakhir adik simati menyatakan bahawa simati ada berpesan kepada adiknya agar memberi segala dokumen kepada suaminya jika berlaku sesuatu keatas dirinya. Jika diteliti keterangan ini maka suami simati tidak terlibat di dalam pembunuhan ini namun ketidakhadirannya menjadikan putus keterangan mengikut keadaan atau keterangan langsung apakah peranan tertuduh-

tertuduh ini sehingga boleh menyebabkan kematian simati melalui pembunuhan.

- [75] Di atas alasan utama di atas ini Mahkamah Tinggi ini mendapati pihak pendakwaan gagal mewujudkan sautu kes prima facie mengikut s.180(2) KTJ:

180. Procedure after conclusion of case for prosecution

-
- (1) When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.
- (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.

- [76] Dengan ini Mahkamah Tinggi ini membebas dan melepaskan kesemua tertuduh-tertuduh Pertama sehingga Ketujuh tanpa dipanggil membela diri di atas pertuduhan keatas mereka atas alasan pihak pendakwaan gagal membuktikan suatu kes prima facie seperti mana pertuduhan di bawah seksyen 302 Kanun

Keseksaan dan juga seksyen 109 Kanun yang sama atas penelitian maksima.


- [77] Mahkamah Tinggi ini berdasarkan kes **Looi Kow Chai v Public Prosecutor [2003] 2 MLJ 65**, yang mana Mahkamah Rayuan memutuskan:

"It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s 180 of the CPC has to undertake at the close of the prosecution case. He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and to ask himself the question: if I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case? If the answer is in the negative then no prima facie case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal".

- [78] Dengan ini merumus dan memutuskan bahawa tertuduh-tertuduh tidak boleh disabitkan bersalah atas keterangan SP23

Pegawai Penyiasat nyatakan bahawa beliau hanya berasaskan teori atas pengakuan oleh tertuduh-tertuduh semasa soal siasat.

Bertarikh: 19.3.2018



(AZMAN BIN ABDULLAH)

Hakim

Mahkamah Tinggi Jenayah

Kuala Lumpur

Pihak-pihak:

Bagi pihak Pendakwaan

... Pn. Aznika binti Mohd Anas
Timbalan Pendakwa Raya
[Jabatan Peguam Negara]

Peguambela bagi pihak Tertuduh 1 & 2 ...

En. V. Esvar
[Tetuan P.V Esvär & Co.]

| | |
|----------------------------------|---|
| Peguambela bagi pihak Tertuduh 3 | ... Cik Nur Hayati binti Omar [Tetuan Nur Omar, Zul Awang & Co.] |
| Peguambela bagi pihak Tertuduh 4 | ... Dato' Geethan Ram [Tetuan Geethan Ram] |
| Peguambela bagi pihak Tertuduh 5 | ... Dato' Sivananthan [Tetuan Sivananthan & Co.] |
| Peguambela bagi pihak Tertuduh 6 | ... Dato' Simon Sabapathy [Tetuan Freda Sabapathy & Co.] |
| Peguambela bagi pihak Tertuduh 7 | ... En. Rajakumaran a/l Muthusamy [Tetuan Ram Yogan Sivam] |